



Headline: Jurubahasa rugi RM10,000
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 27 July 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 17

Jurubahasa rugi RM10,000

Kuantan: Seorang jurubahasa wanita kerugian RM10,000 diperdaya sindiket Macau Scam selepas menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai bank.

Ketua Siasatan Jenayah Komersial Pahang Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 42 tahun menerima panggilan daripada suspek pada 13 Julai lalu ketika berada di rumahnya

di sini.

Menurutnya, berdasarkan laporan, suspek memaklumkan kredit milik mangsa digunakan untuk pembelian di Shopee, tetapi mangsa menafikan melakukan transaksi itu.

“Panggilan itu kemudian disambungkan kepada seorang pegawai kononnya dari Bank Negara Malaysia dan meminta butiran peribadi milik mangsa, termasuk maklumat akaun bank,” katanya.